

KUALA LUMPUR, 7 MEI (BERNAMA) -- NEGARA-NEGARA ASEAN HENDAKLAH BERUSAHA TERUS MENCARI CARA-CARA YANG LAIN DARIPADA +PENDEKATAN TRADISIONAL+ NEGARA NEGARA YANG SUDAH MEMBANGUN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA: +KITA PERLU MERANCANG DAN MENCARI PENYELESAIAN MENGENAI MASALAH-MASALAH BERSAMA BERDASARKAN KEPADA PENGALAMAN DAN SUMBER-SUMBER DI RANTAU KITA SENDIRI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA BERUCAP MERASMIKAN SIDANG KELIMA PARA PEMIMPIN BULAN SABIT MERAH DAN PALANG MERAH ASEAN.

PERSIDANGAN LIMA HARI ITU DIHADIRI OLEH RAMAI TOKOH-TOKOH TERKEMUKA TERMASUK PUTERI MAHA CHAKRI SIRINDHORN DARI NEGARA THAI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MELALUI PERTEMUAN DAN KERJASAMA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ASEAN SEPERTI BULAN SABIT MERAH DAN PALANG MERAH, MASALAH-MASALAH DAN CITA-CITA BERSAMA DAPAT DIMANFAATKAN. --LAGI 1158/PA

MAHATHIR-PERSIDANGAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA PERSIDANGAN ITU MENUNJUKKAN HUBUNGAN DAN SIKAP MENGAMBIL BERAT NEGARA-NEGARA ASEAN ATAS DASAR RAKYAT KEPADA RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU GEMBIRA MENGETAHUI BAHAWA PERSATUAN-PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT ASEAN TERUS MEMAINKAN PERANAN YANG BERKESAN DALAM PELBAGAI AKTIVITI MENENTANG BENCANA, TERUTAMANYA MENERUSI KESEDIAAN MENGHADAPI BENCANA DAN BANTUAN.

PENDERITAAN RAKYAT YANG DISEBABKAN OLEH PENGGUNAAN SENJATA-SENJATA BARU, ATAU PENYALAHGUNAAN DADAH ATAU UBAT-UBAT, CUAINYA LANGKAH-LANGKAH MENJAGA KESELAMATAN DI KILANG-KILANG DAN LOJI DAN JENAYAH BERLELUASA SERTA KEKEJAMAN YANG DILAKUKAN DENGAN SENJATA-SENJATA SOFISTIKATED, TELAH MENIMBULKAN SATU PERANAN BARU YANG LEBIH SUKAR BAGI PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBENARNYA TERDAPAT SEMAKIN BANYAK BIDANG YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN PERSATUAN PALANG MERAH, BULAN SABIT MERAH DAN LAIN-LAIN PERTUBUHAN SUKARELA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1305/PA

MAHATHIR-PERSIDANGAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA BILA NEGARA-NEGARA ASEAN MENGHADAPI MASALAH PENDATANG-PENDATANG HARAM VIETNAM PADA LEWAT TAHUN 70AN PERSATUAN-PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH MENUNJUKKAN KEPADA KERAJAAN Masing-masing BEBERAPA ASPEK TERTENTU MENGENDALIKAN MASALAH BARU ITU.

BELIAU BERKATA PERSIDANGAN ITU, YANG PERTAMA KALI DIADAKAN DI KUALA LUMPUR, TELAH MEMILIH TEMA YANG MEMBENARKANNYA MENGAMBIL PANDANGAN YANG KEMANDANG KEHADAPAN YANG BOLEH MENGUNTUNG SERTA MENGGALAKKAN SETIAP PESERTA.

TEMA ITU, +PENDEKATAN ASEAN BAGI PERSATUAN-PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT DALAM TAHUN 80AN,+ MENUNJUKKAN BETAPA SENSITIF PERGERAKAN ITU KE ARAH MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PEMBANGUNAN BARU DAN KENYATAAN YANG BERUBAH, BELIAU MENAMBAH.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LAWATAN PUTERA SIRINDHORN, SELAIN MERUPAKAN SATU PERISTIWA BERSEJARAH JUGA MERUPAKAN SATU PERNYATAAN IKATAN PERSAHABATAN YANG KUKUH DAN BERBAIK-BAIK YANG WUJUD DI ANTARA NEGERI THAI DAN MALAYSIA.

PARA PEMERHATI DARI JEPUN DAN BRUNEI TURUT MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU.--BERNAMA 1307/PA